

PRESS CLIPPING

DATE : FEBRUARY 3, 2021
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : EKONOMI
PAGE : 35
COLOUR : BLACK & WHITE

LTAT batal rancangan swastakan Boustead

PETALING JAYA: Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) membatalkan hasrat untuk menswastakan Boustead Holdings Berhad.

Keputusan itu diambil selepas Suruhanjaya Sekuriti (SC) menetapkan semalam sebagai tarikh akhir untuk LTAT mengumumkan keputusannya dan menolak untuk memberikan sebarang lanjutan tempoh.

"Selepas penilaian cermat berkenaan pelbagai faktor berkenaan cadangan (menswastakan Boustead), dalam persekitaran mencabar yang berpanjangan akibat Covid-19 dan pelaksanaan semula perintah kawalan pergerakan (PKP), juga risiko yang tinggi dan ketidakpastian yang bertambah untuk menjayakan cadangan, LTAT memutuskan untuk tidak meneruskan hasrat tersebut pada ketika ini," kata LTAT dalam kenyataan di sini semalam.

LTAT yang memegang kepentingan sebanyak 59 peratus dalam Boustead menimbang pilihan untuk menswastakan konglomerat itu bermula Mei lalu.

Menurut LTAT, Boustead selepas ini akan memfokuskan usaha untuk menjayakan strategi pertumbuhan dan rancangan pemulihannya.

"Sebagai pemegang saham mengawal Boustead, LTAT terus menyokong pelannya untuk secara aktif berusaha dan dengan berjaya melaksanakan rancangan patah balik dan strategi pertumbuhannya.

"LTAT akan terus menyemak pilihannya untuk memelihara dan menambah nilai aset-aset di bawah portfolionya serta meningkatkan pulangan jangka panjang kepada penyumbang-penyumbang kami," katanya.